



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 4

RABU 25HB. JANUARI, 1978.

دایر 15 صفر 1398

PERCHUMA

P.U.S.B. TINJAU PUSAT KAWALAN DI-SG. TUJOH

SUNGAI TUJOH, Belait.—Yang Teramat Berhormat Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa telah melakukan satu lawatan sengkat ka-pusat kawalan keluar masuk ka-negeri ini di-Pos Sungai Tuoh, Belait pada minggu lalu.

Lawatan yang memakan masa kira-kira 2 setengah jam itu telah memberi kesempatan kapada Yang Teramat Berhormat Penasihat Umum memerhatikan kerja-kerja penyelenggaraan yang di-jalankan oleh kakitangan Kerajaan yang terdiri dari pehak Kastam, Imigresen, Keselamatan dan Kesihatan terhadap semua gerakan orang-orang yang keluar masuk antara Brunei dan Sarawak.

Yang Teramat Berhormat itu juga sempat meninjau kawasan perumahan yang di-sediakan bagi tempat tinggal pegawai-pegawai yang bertugas di-mana 12 unit rumah, satu blok flat, sa-buah pondok Pulis dan sa-buah pejabat pemerkasaan. Di-samping itu Yang Teramat Berhormat juga sempat berbual2 dan mendengar penerangan dari pegawai-pegawai yang bertugas.

Turut mengiringi lawatan tersebut termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najahab Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Pengawal Kastam dan Bea; Yang Berhormat Awang Haji Zakaria bin Dato Maha Wangsa Haji Sulaiman, Pegawai Pentadbir Kanan Kerajaan; Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar, Pegawai Daerah Belait; Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud, Pengawal Imigresen dan Pendaftran Kebangsaan Brunei; OCPD Belait, Dato Paduka Awang Mustapha bin Ahmad dan lain-lain pegawai kanan Kerajaan.

Perbarisan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Perbarisan tamat latehan bagi 56 orang rekrut lelaki akan di-adakan di-Pusat Latehan Pulis, Jalan Muara pada hari Sabtu ini. Perbarisan tersebut akan bermula pada jam 7.45 pagi dan akan di-sertai oleh kira-kira 200 orang anggota pasukan itu.

Pesurohjaya Buroh, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibol Karib Pengiran Anak Idris ibni Al-Marhum Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Muda Abdul Kahar akan memerluka dan menerima tabek di-upacara tersebut.



Kelihatan Yang Teramat Berhormat Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa ketika melawat keadaan perumahan pegawai-pegawai dan kakitangan Pos Sungai Tuoh dengan di-iringi oleh Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan yang lain.

Jenis2 makanan ini mengandungi bahan2 yang merbahaya

BANDAR SERI BEGAWAN.—Empat jenis makanan dalam tin telah didapati tidak selamat untuk di-makan.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan mengumomkan bahawa makanan tersebut di-dapati

mengandungi bahan2 yang membahayakan.

Makanan2 tersebut ialah A 1 Mackerel in tomato sauce, yang mempunyai lambang Geisha dan di-perbuat oleh Nozaki and Company Limited, Tokyo, Japan.

Kari Kerang di-buat oleh

Yeo Hiap Seng (M) Berhad, Petaling Jaya; Chabi Sauce, Chop Bunga dari Miri dan Pure Coffee Powder yang di-perbut oleh Double Dragon Coffee Factory Singapura.

SKIM PEMASARAN LADA SULAH

BANDAR SERI BEGAWAN.—Brunei di-jangka akan mengexpot kira-kira enam tan lada puteh dan lada hitam ke-United Kingdom pada tahun ini.

Menurut kenyataan yang di-keluarkan oleh Jabatan Pertanian menyatakan bah-

hawa jumlah yang akan di-expot itu ia-lah hasil yang di-perolehi dari ladang-ladang penanaman2 lada sulah dan Pusat Latehan Pertanian Sinaut dalam tahun 1977 yang lalu.

Pada masa ini terdapat dua pehak yang terlibat sachara aktif dalam urusan pengedaran lada puteh dan lada hitam dari ladang2 lada sulah di-seluruh negeri United Kingdom melalui C.C. Sprice UK Ltd.

Pertama ia-lah Sharikat Kerjasama yang tertentu di-kampung2 yang mempunyai tanggong jawab membeli hasil2 ladang, baik lada puteh maupun lada hitam, dengan harga \$3.00 sa-kati.

Kedua ia-lah Jabatan Pertanian Brunei, yang bertanggong jawab membeli balek hasil2 ladang dari kedai2 Sharikat Kerjasama tadi dengan harga \$3.30 sa-kati, dan kemudian menjualnya ka-wakil di-United Kingdom dengan harga kira-kira \$4.00 sa-kati sa-lepas ia-nya di-bersehkan dan di-



KURSUS latehan bagi graduate2 yang baharu berkhemmat dengan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah berakhir pada hari Sabtu lalu.

Kursus sa-lama lima hari itu di-anjorkan oleh Yunit

latehan Pejabat Perjawatan dan telah di-adakan di-Pusat Latehan di-Bandar Seri Begawan.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Setia

Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib; Pemangku Pengarah Perjawatan, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pg. Haji Abdul Rahim; Pengarah

Kebajikan, Belia dan Sokan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Perkerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain dan lain2 pegawai kanan Kerajaan telah hadir di-majlis penutup itu.

Lihat muka 12



25HB JANUARI, 1978.

JANGAN ABAIKAN KEMUDAHAN YANG DI-SEDIAKAN

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia amat mengambil berat serta berusaha pada memperbaiki nasib dan penghidupan raya di-negeri ini dalam berbagai lapangan semata2 untuk meninggikan taraf hidup. Mithalnya di-lapangan pertanian sa-lain memberikan bantuan baja, ternakan dan segala kemudahan kepada petani; mereka juga di-beri peluang melawat sambil belajar ka-Pusat2 Pertanian di-negeri ini. Dengan lawatan itu ada-lah di-harapkan supaya para petani akan dapat mengambil chontoh tauladan dari kejayaan yang telah di-chapai. Dan lawatan sa-umpama itu ada-lah amat berfaedah di-lakukan terus menerus.

Di-lapangan pelajaran pula, Kerajaan telah membelaikan berjuta2 ringgit dengan memberikan pelajaran dari sa-rendah2 hingga ka-setinggi2 sa-lagi yang termampu oleh anak2 kita. Mithalnya menghantar para penuntut ka-seberang laut, mengadakan kelas2 dewasa — ada-lah di-hasratkan supaya raya di-negeri ini terutama kaum bumiputera akan dapat memperolehi ilmu pengetahuan sesuai dengan keadaan zaman sekarang ini.

Melalui pelbagai projek ranchangan kemajuan yang telah, sedang dan akan di-usahakan oleh Kerajaan itu, raya dan penduduk di-negeri ini, khususnya kaum bumiputera haruslah mengorak langkah mengambil bahagian dan jangan-lah kita hendaknya sa-bagai tukang lihat, tukang salahkan atau tukang terima bersih sahaja — sekurang2nya kita hendaklah berkenagaan serta berusaha dengan tidak putus2 di-samping sama2 mengekalkan keamanan dan ketenteraman yang telah ujud itu.

Menyediari hakikat ini, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Othman bin Bidin, ketika menyampaikan uchapan-nya dalam Dewan Majlis yang baru lalu, menyatakan harapan-nya supaya raya dan penduduk di-negeri ini haruslah memahami akan hasrat Kerajaan dan jangan-lah kita mengabai2kan segala kemudahan2 yang telah di-dapat atau yang sedang di-nekatni; raya haruslah mengambil bahagian serta kerjasama pada menjayakan-nya, jika raya acoh tak acoh, neschaya chita2 Kerajaan yang berkebijakan itu tidak akan dapat di-chapai!

Yang Berhormat Malai Haji Mashore bin Malai Haji Damit pula menekankan ia-itu supaya peluang2 yang baik yang telah di-churahkan oleh Kerajaan itu, tidak hanya akan menjadi kenangan dan impian kepada kita !

BUAT memulakan siri pertama dalam ruangan Dari Bilek Gerakan ini, mari kita mengenal kembali sebagai mengulang kaji terhadap negeri kira BRUNEI.

Brunei - Darussalam ialah sa-buah negara yang bersulutan. Dari sejak turun temurun, Kerajaan Brunei ada-lah di-terajukan oleh Sultan sa-bagai kepala negara dalam pemerintahannya. Negeri yang kini adalah dalam aman makmor serta rayaatnya hidup dalam harmoni masing2, ta-hu akan tanggong-jawabnya terhadap keselamatan negeri ini, dengan itu-lah negeri Brunei dengan se-nang sahaja menjalankan semua aspek pembangunan-nya yang berjalan dengan pesatnya demi mengejar kemajuan negara dan za-man-nya.

Negeri Brunei yang luasnya 2,226 batu persegi dan 100 batu panjang pantai-nya ini, telah mengorak langkah sa-tapak demi sa-tapak ikut sama berlari dan mengejar kemajuan zaman yang mana telah tahu pada diri negeri ini betapa perlu-nya meninggikan taraf dan identiti negara dan rayaatnya.

Sa-bagai sa-buah negara kecil dengan hampir dua ratus ribu penduduk-nya, Brunei telah dapat ikut sama mencheborkan dirinya ka-lembah pembangunan yang begitu pesat, apatah lagi negeri ini ada-lah kaya dengan hasil minyaknya sudah tentu tidak ada riangan untuk melangkah ka-arah pembangunan yang pesat itu.

Dari beratus2 buah seku-lah yang di-bena di-seluruh negeri ini dan begitu juga maktab2 serta sekolah2 pertukangan apatah lagi masa ini sa-buah bangunan universiti sedang di-kaji jika sesuai di-adakan, negeri ini juga telah menghantar penuntut2 ka-seberang laut untuk memungut ilmu2 pengetahuan, maka-nya kita telah memileki kaum2 intelek yang memegang taraju2 pemerintahan negara.

Negeri Brunei sa-bagai sa-buah negara kebijakan

yang di-pimpin oleh sa-orang Sultan yang berdaulat, telah mengambil inisiatifnya yang kukuh terhadap kebijakan rayaat negeri ini sa-hingga tertubohnya sa-buah Jabatan Kebajikan negeri bagi mem-beri kemudahan2 kapada rayaat dan pendudok negeri ini yang berkehendakan kebijakan itu. Lebih nyata lagi kebijakan yang amat besar di-negeri ini, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia ada-lah bertanggong-jawab pe-noh dan bebas menjalankan pentadbiran-nya di-dalam negeri, namun begitu, tiada nam-pak tanda2 bahawa Negeri Brunei terbangkalai kemajuan-nya atau tergugat pentadbiran serta kebebasan-nya demi menuju ka-arah keharmonian negara, bangsa dan rayaat negeri ini. Sa-baleknya kemajuan pe-sat telah tercapai.

Apatah lagi masa ini pegawai2 pentadbir di-jabatan2 negara boleh di-katakan keseluruhan-nya di-tadbirkan oleh anak2 negeri ini sendiri. Ini ada-lah satu pembangunan dan kemajuan yang pesat di-negeri ini dengan tidak sa-chara langsung mungkin titik kita sedari, bahawa bahan anak2 negeri Brunei ini yang telah bertanggong-jawab memulihkan dalam apa juh chorak perkembangan serta kemajuan negara. Ini membuktikan bahawa negeri kita di-tadbirkan oleh kakada kita yang benar mempertanggong-jawabkan demmengusai dan mempertahankan kedaulatan negara serta kerajaan-nya.

Dari sistem yang tersebut itu tadi maka berjalan-lah segala hal itu kapada Majlis2 Mas-huarat Diraja, Majlis Mas-huarat Menteri2 dan Majlis Mas-huarat Negeri. Sistem ini buat Negeri Brunei masa ini ada-lah sangat2 baik bagi menuju ka-arah pembangunan dan kemajuan negara. Sa-lama terbahru2 sistem seperti ini di-Brunei perkembangan pesat kemajuan negeri ini tidak da-pat di-sangkal lagi bererti in-hal sistem yang sesuai ber-

rasai di-negeri ini di-bidang2 yang lain yang ti-dak payah di-sebutkan.

Negeri ini maseh mengukuhkan persahabatan-nya dengan Great Britain yang mana ber-tanggong-jawab terhadap keselamatan luar negeri dan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia ada-lah bertanggong-jawab pe-noh dan bebas menjalankan pentadbiran-nya di-dalam negeri, namun begitu, tiada nam-pak tanda2 bahawa Negeri Brunei terbangkalai kemajuan-nya atau tergugat pentadbiran serta kebebasan-nya demi menuju ka-arah keharmonian negara, bangsa dan rayaat negeri ini. Sa-baleknya kemajuan pe-sat telah tercapai.

Sistem kerajaan negri Brunei ada-lah sistem berpegawai daerah, berpenghulu, berketua kampung serta bertua rumah panjang dari sistem2 yang di-sebutkan itu tadi-lah tempat sandaran rayaat bagi mengadukan hal serta menyalorkan chadangan2 demi mengubah, mengusai, membaiki dan men-chalang mana2 yang kurang menasabah di-menasabahkan yang mana Pegawai2 Daerah ada-lah lidah resmi kerajaan dan rayaat untuk menyalorkan apa2 hal kapada yang berkenaan, dengan tegas di-katakan Pegawai2 Daerah ada-lah hubungan dua hala ia-tu kerajaan dan rayaat, rayaat dan kerajaan.

Dari sistem yang tersebut itu tadi maka berjalan-lah segala hal itu kapada Majlis2 Mas-huarat Diraja, Majlis Mas-huarat Menteri2 dan Majlis Mas-huarat Negeri. Sistem ini buat Negeri Brunei masa ini ada-lah sangat2 baik bagi menuju ka-arah pembangunan dan kemajuan negara. Sa-lama terbahru2 sistem seperti ini di-Brunei perkembangan pesat kemajuan negeri ini tidak da-pat di-sangkal lagi bererti in-hal sistem yang sesuai ber-

masa ini di-Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN — Persatuan Ikatan Lurong Sikuna — IKLAS — telah mengadakan mas-huarat agong-nya yang ke-IX baru2 ini. Dalam mas-huarat itu sa-buah jawatan-kuasa Tadbir yang baru bagi tahun 1978/9 telah di-bentuk seperti berikut:

Penasihat — Haji Samad bin Ibrahim, Yang Dipertua — Abd Latif bin Haji Ibrahim, Naib Yang Dipertua — Jubli bin Haji Duraman, Setiausaha Agong — Zaini bin Haji Duraman, Naib Setiausaha Agong — Abdullah bin Abdul Rahman, Pengurus Tetap — Bahmin bin Hamdan, Naib Pengurus Tetap — Muhammad bin Md Noor, Setia-

usaha Sosial — Daud bin Ibrahim.

Setiausaha Ugama — Hamidun bin Haji Bakar, Setiausaha Keseroni Kebudayaan — Latif bin Haji Md. Noor, Setiausa3 Penerangan/Pelajaran — Sulaiman Haji Laki, Setiausaha So-kan — Ahmad bin Samad, Ben-dahari Kehormat — Abdul Rahman bin Mohammad, Penolong Bendahari Kehormat — Md Sal-leh bin Kayum, Pemerksa Ki-ra2 — Tundak bin Jais dan Untong bin Haji Kadir.

Ahli2 Jawatankuasa Am — Ali Osman bin Haji Samad, Hasnah bte Haji Samad, Taha bin Md Salleh, Salleh bin Bakir, Rakawi bin Haji Laki, Untong bin Haji Kadir dan Adanan bin Abu Bakar.

DARI BILEK GERAKAN

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-pati di-jual dengan harga yang lebh rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 19hb Januari, 1978.

BANDAR SERI BEGAWAN :

1. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—

- a) Chong Hock & Son,
No. 1A, Jalan McArthur,
Bandar, Seri Begawan.
- b) Leong Soon Huat,
No. 1, Jalan McArthur,
Bandar, Seri Begawan.
- c) Lam Seng,
No. 3, Jalan McArthur,
Bandar, Seri Begawan.
- d) Leong Huat,
No. 57, Jalan Sultan,
Bandar Seri Begawan.
- e) Liang Yu Co.,
No. 58, Jalan Sultan,
Bandar Seri Begawan.
- f) Ming Thai & Co.,
No. 32, Jalan Sultan,
Bandar, Seri Begawan.

2. GARAM HALUS (Chap Phoneix) — 20 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut :—

- a) A. M. Mohammad Ali Maricar,
No. 87, Jalan Chevalier,
Bandar, Seri Begawan.
- b) Leong Soon Huat,
No. 1, Jalan McArthur,
Bandar, Seri Begawan.
Ghee Guan

No. 4, Jalan McArthur,
Bandar, Seri Begawan.

d) Hong Guan Koon Kee,
No. 10, Jalan McArthur
Bandar Seri Begawan

e) Leong Huat,
No. 57, Jalan Sultan,
Bandar Seri Begawan.

f) Liang Yu Co.,
No. 58, Jalan Sultan,
Bandar Seri Begawan.

g) Ming Thai & Co.,
No. 32, Jalan Sultan,

3. SAYOR KINCHAM — \$2.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—

a) Chop Nam Fung
No. 114, Bangunan Guru2 Melayu,
Bandar Seri Begawan.

b) Liang Yu Co.,
No. 58, Jalan Sultan,
Bandar Seri Begawan.

1. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—

a) Chiong Kee,
No. 1-A, Jalan Pretty,
Kuala Belait.

b) Sia Heng Hong,
No. 31-B, Jalan Sungai,
Kuala Belait.

2. GARAM HALUS (Chap Phoneix) — 25 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut :—

Yick Yuen
No. 3, Jalan Pretty,
Kuala Belait.

3. SAYOR KINCHAM — \$3.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—

a) Yick Yuen
No. 3, Jalan Pretty,
Kuala Belait.

b) Fah Sen Company,
No. 27, Jalan Pretty,
Kuala Belait

SERIA :

1. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—

a) Chin Siong Hin
No. 3, Jalan Sultan Omar Ali,
Seria.

b) Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali,
Seria.

c) Chop Yick Hoe
No. 7, Jalan Sultan Omar Ali,
Seria.

d) Foo Hap Shing,
No. 20, Jalan Sultan Omar Ali,
Seria.

e) Choo Heng Company,
No. 30, Jalan Sultan Omar Ali,
Seria.

f) Hudson Company,
No. 31, Jalan Sultan Omar Ali,
Seria.

g) Hui Guan,
No. 48-B, Jalan Bunga Kuning,
Seria.

h) Poh Shing,
No. 65, Jalan Bunga Kenanga,
Seria.

i) Wong Wah Seng Trading,
No. 73, Jalan Bunga Kenanga,
Seria.

2. GARAM HALUS (Chap Phoneix) — 25 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut :—

a) Chop Yick Hoe,
No. 7, Jalan Sultan Omar Ali,
Seria.

b) Saudara Malai,
No. 43, Jalan Bunga Melor,
Seria.

3. SAYOR KINCHAM — \$2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—

a) Chop Yick Hoe,
No. 7, Jalan Sultan Omar Ali,
Seria.

b) Poh Shing,
No. 65, Jalan Bunga Kenanga,
Seria.



DARI DEWAN MAJLIS

RANG UNDANG2 PERJALANAN UDARA 1977 DI-LULUSKAN

Penjelasan Menteri Besar

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Ali bin Ismail ingin tahu perbelanjaan pengangkutan filem berjumlah \$200 ribu dalam tahun 1977 dan kerugian pada tahun 1978.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjelaskan, ini ada-lah atas kebijaksanaan Pengawal Radio dan Taliwisen yang dapat menjamin perlengkapan yang bersangkutan termasuklah hal2 perhubungan dan lain2 perlengkapan.

Menjelaskan kemungkinan lain yang telah di-timbulkan oleh ahli Yang Berhormat itu, Yang Amat Berhormat menyatakan Kerajaan juga berharap seperti yang di-harsatkan untuk dapat memenuhi keperluan raya dan penduduk negeri ini, bukan sahaja dari segi kaitangan yang di-sediakan, malah juga penambahan ka-atas alat2 kelengkapan.



Y.B. Pehin O.K. Seri Setia Haji Ali bin Ismail

Yang Berhormat Pehin O.K. Seri Setia pula ingin tahu apa-kah ranchangan2 yang akan di-jalankan oleh pehak RTB hingga memakan peruntukan sa-banyak \$1½ juta, jika di-bandingkan dengan peruntukan tahun lepas hanya \$1 juta.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjelaskan peruntukan sa-banyak itu ada-lah bagi memberikan kemudahan dalam menyelenggarakan kerja2 ranchangan tempatan. Lebih 50 peratus ada-lah diangarkan untuk ranchangan2 tempatan seperti Adat Istiadat dan lain2 lagi.

Menyatakan sokongan-nya terhadap Rang Undang2 Pam-pasan Pekerja (Pindaan) 1977, Yang Berhormat Pehin O.K. Seri Setia mensifatkan undang2 itu ada-lah untuk kebaikan pehak pekerja dan majikan.

"Sa-tiap pindaan2 yang tercatat di-dalam rang undang2 tersebut supaya tidak akan di-salah gunakan", jelasnya.

MAJLIS Mashuarat Negeri dalam permashuaratannya musim ke-15 yang baru lalu itu telah meluluskan 'Rang Undang2 Perjalanan Udara', 1977, yang telah dikemukakan oleh Peguan Negara Brunei, Yang Berhormat Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas.

Menurut Yang Berhormat Peguan Negara itu bahawa Negeri Brunei sekarang ini sedang memainkan peranan yang penting dalam penerbangan awam di-Asia Tenggara. Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, pada 18hb Julai, 1974; Penerbangan Diraja Brunei (RBA) telah membolehkan Menteri Besar membuat peraturan2 yang tidak berlawanan dengan sharat2 sebarang perjanjian atau persetujuan antara-bangsa yang boleh di-pakai di-negeri ini ia-itu:

a. Menubohkan dan memelihara tempat2, mesin2 dan perkhidmatan2 bagi maksud2 perjalanan udara;

b. Menentukan langkah2 yang akan di-ambil berhabit dengan pesawat terbang atau orang atau barang2 di-dalamnya yang tiba di-mana2 tempat atau bertolak dari mana2 tempat di-negeri ini atau yang terbang di-dalam negeri ini atau

c. 'Am-nya bagi mengator perjalanan udara.

Meskipun kedua2 Lapangan Terbang Antarabangsa dan Penerbangan Diraja Brunei sebenar-nya berjalan menurut standard antarabangsa, maka ada-lah di-kehendaki supaya standard itu di-berikan kuatkuasa undang2 dalam negeri ini, jelasnya.

Menurut huraian pene-

rangan dalam Rang Undang2 Perjalanan Udara, 1977 itu menyatakan konvensyen2 Antarabangsa telah pun di-putuskan mengenai jenayah2 yang di-lakukan dalam pesawat terbang yang sedang dalam perjalanan, perampasan dan jenayah2 lain yang melibatkan kerosakan kapada pesawat terbang atau membahayakan keselamatan-nya. Ada-lah di-kehendaki supaya konvensyen2 itu di-berikan kuat-kuasa undang2 dalam negeri ini.

Undang2 tersebut yang telah di-luluskan itu adalah akan memansohkan Undang2 Perjalanan lalu-lintas Udara tahun 1954. Undang2 itu juga membolehkan Menteri Besar membuat peraturan2 yang tidak berlawanan dengan sharat2 sebarang perjanjian atau persetujuan antara-bangsa yang boleh di-pakai di-negeri ini ia-itu:

a. Menubohkan dan memelihara tempat2, mesin2 dan perkhidmatan2 bagi maksud2 perjalanan udara;

b. Menentukan langkah2 yang akan di-ambil berhabit dengan pesawat terbang atau orang atau barang2 di-dalamnya yang tiba di-mana2 tempat atau bertolak dari mana2 tempat di-negeri ini atau yang terbang di-dalam negeri ini atau

c. 'Am-nya bagi mengator perjalanan udara.

Dalam undang2 tersebut juga dengan kebenaran Menteri Besar maka Peng-

rah Penerbangan Awam boleh, berhabit dengan mana2 lapangan terbang yang di-uruskan atau di-lesen-kan-nya, membuat undang2 kecil bagi mengotor penggunaan atau penyelang-garaan lapangan terbang dan kelakuan semua orang semasa berada di-dalam la-pangan terbang.




Y.B. Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas.

Rang Undang2 Perjalanan Udara 1977

elakkan perkara2 yg. tidak di-ingini

YANG Berhormat Dato Paduka Awang Haji Othman bin Bidin ketika menyokong Rang Undang2 Perjalanan Udara, 1977 itu menyatakan undang2 tersebut bagi meng-



Y.B. Dato Paduka Haji Othman bin Bidin

elakkan perkara2 yang ti-dak di-ingini terutama me-mandang kapada bahaya penerbangan dewasa ini.

Yang Berhormat itu ber-harap kapada pehak yang bertanggung-jawab Lapang-an Terbang Antarabangsa

kita akan menguat-kuasa-kan undang2 itu terutama kapada penumpang2 yang pergi dan yang datang dari luar negeri.

"Semoga negeri kita dan penumpang2 yang menggunak-an pesawat terbang kita itu di-jauhkan dari perkara2 yang tidak di-ingini — kerana negeri kita ini bukan menchampori masalah politik orang lain," tambahnya.

Menyokong Rang Undang2 Peruntukan tahun 1978 yang telah di-bentangkan oleh Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Pehin O.K. Khazanah Negara Laila Diraja Dato John Lee, Yang Berhormat Dato Paduka Haji Othman mengharapkan penyeertaan Kerajaan dalam LNG dan Shell Marketing yang menggalakkan itu supaya pegawai2 Kanan Kerajaan akan dapat menyertai pen-

tadbiran di-kedua2 sharikat tersebut, supaya akan dapat mempelajari sa-jauh mana perjalanan sharikat2 itu.

Dalam perkembangan pertama, Yang Berhormat itu telah memuji usaha2 yang telah di-jalankan oleh Jabatan Pertanian, kerana menurut beliau, banyak perchubahan telah di-usaha-kan dalam bidang itu, khusus-nya bagi memperbaiki lagi mutu dan hasil pertanian dan ternakan di-negeri ini. Tetapi Yang Berhormat itu berasa kesal kerana raayat dan bumi-putera di-negeri ini tidak mengambil berat terhadap hasil2 dari pengkajian itu.

Menyentoh dengan usaha tanaman getah di-negeri ini, Yang Berhormat Dato Paduka Haji Othman mensehorkan supaya pehak berkenaan berusaha untuk menchari ikhtiar bagaimana penanaman getah di-negeri ini dapat di-hidupkan semula, kerana pada pandangan beliau, penanaman getah sekarang ini telah ti-dak di-usahakan oleh orang2 kampung sa-bagai sumber pendapatan.

"Pada masa dahulu, getah ada-lah menjadi sumber pendapatan yang baik bagi raayat negeri ini dan merupakan hasil chukai Kerajaan yang lumayan. Memandang kapada la-dang2 getah yang terbari itu, kalau ia-nya tidak dapat di-usahakan semula; sekurang2nya ia-nya akan dapat di-tanam dengan lain2 tanaman seperti pokok buah2an atau padi dan sa-bagai-nya yang boleh mendatangkan hasil kepada penduduk2 negeri ini", ujar-nya.

...menjaga keselamatan jiwa dan harta-benda

YANG Berhormat Malai Haji Mashore bin Malai Haji Damit ketika menyekutukan diri menyokong Rang Undang2 Perjalanan Udara, 1977 yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Peguan Negara itu pula menyatakan yang undang2 tersebut ada-lah suatu langkah yang amat bijaksana Kerajaan Ke-bawah Duli Yang Maha Mulia pada menjaga keselamatan jiwa dan harta-benda.

"Memandang kapada keadaan dunia begitu sedeh dan menyayat hati dalam perampasan udara dan masalah penerbangan yang berhabit dengan-nya, dan jangan sesudah terhentok baharu terngadah, dan hendak-lah kita berhati2 dan waspadai kerana masa-nya belum terlewati atau ter-lambat bagi kita berusaha pada mengelakkan bahaya2

yang tidak di-ingini itu," pun menekmati kemakmor-an dan kesenangan yang telah di-ranchangkan dari sa-tahun ka-setahanu.

Kerajaan, jelas Yang Berhormat itu lagi, sudah dan memang tidak teragak2 untuk menchurahkan perbelanjaan yang begitu besar, umpama-nya dalam bidang pelajaran; menunjukkan satu sikap Kerajaan yang tidak ingin mengabai-kan raayat dan penduduk negeri ini, malah ia-nya merupakan satu usaha untuk memberikan pelajaran sa-chukop-nya supaya raayat dan penduduk terutama



Y.B. Malai Haji Mashore bin Malai Haji Damit

kaum bumiputera di-negeri ini akan mempunyai pen-didekan dan pelajaran yang semporna dan setinggi2-nya.

Menyentoh mengenai per-tanian dan perikanan di-negeri ini, menurut Yang Berhormat usaha2 ka-arah ini sedang di-usahakan dan menampakkan satu kejayaan; bagaimana pun kata-nya, satu rangka kerja yang benar2 dapat menjangkau hasil yang baik buat masa depan akan dapat di-usahakan te-rus menerus.

Untuk kepentingan raayat

YANG Berhormat Awg Seng Toh penoh yakin dan per-chaya bawaha hasrat Kerajaan Kebawah DYMM, pada melancarkan projek2 tertentu itu, ada-lah semata2 untuk kepentingan raayat serta isi di-dalamnya.

Yang Berhormat itu juga

menyatakan sukachita-nya di-atas projek2 saperit skim pin-jaman untuk piaga2 kecil dan sederhana, pembinaan bangunan2 perumahan dan sa-umpama-nya; kerana semata2nya itu ada-lah sa-bagai satu kejayaan dalam mempelbasai-kan perkembangan2 dalam ne-geri, sambil berdo'a mudah2an

projek2 itu akan beroleh ke-ja-yan juu.

Ini telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat itu dalam De-wan Majlis, ketika memba-sikan titah Kebawah DYMM se-waktu merasmikan sidang per-mashuarat ke-15, Majlis Ma-shuarat Negeri yang baru lalu.

MORE BEEF EXPECTED

BANDAR SERI BEGAWAN.—More beef is expected soon following the relaxation of the ban on the import of cattle from certain parts of Australia.

The ban was imposed several weeks ago after a cattle disease

DOG LICENCES

KUALA BELAIT.—Dog licences for the year 1978 can now be obtained at the Offices of the Municipal Board, Kuala Belait and Seria, during normal office working hours, but not later than 2.30 p.m.

Licence fees are \$3.00 for a dog and \$5.00 for a bitch.

All dogs, licenced for the year 1978, should have collars together with the licence tags secured round their necks.

Any dog or bitch that is found without such identification after March 9 will be destroyed.

UNSAFE TO EAT

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Medical and Health Department has announced that the following foods contain a prohibited additive and are therefore unsafe to eat:

There are A-One Mackeral in tomato sauce, Geisha Brand, made in Japan; Kari Kerang made by Yeo Hiap Seng in Selangor; Chabi Sauce made by Chop Bunga in Miri; and Pura Coffee Powder made by the Double Dragon Coffee Factory in Singapore.

known as 'blue tongue' was discovered.

But the Australian authorities have advised that the disease is not as widespread as had been feared and as a result cattle from Western Australia and New South Wales can now be imported without restriction.

Cattle from South Australia and South Queensland will also be accepted if checked and certified by a vet as being safe before leaving Australia.

However, the ban is still in force on the import of cattle from Northern Queensland and the Northern Territories.



Members of the Sarawak Islamic Religious Organisation performing at the Youth Centre in Bandar Seri Begawan.

They are among a group of sixty who were on a two-day goodwill visit to the State last week.

The group was led by the Sarawak Assistant Minister of

Culture and Youth, Abang Ahmad Urai Dato Hakim Haji Mohiddin.

TOWARDS SELF-SUFFICIENCY IN ESSENTIAL FOODSTUFFS

THE Estimates of Revenue and Expenditure for 1978 which were laid on the table as Paper No. 1 at this Session contain the details of the make-up of the anticipated Development Expenditure of \$208 million. By reference to these Estimates, Honourable Members will also be able to see the general pattern of expenditure and the way in which the present five-year plan is being implemented. Significant progress has been made towards the completion of the various projects.

The Sinaut Agricultural

Training Centre has been completed and the first batch of young farmers graduated this year. The scheme for increased livestock production is well under way as also is that for Drainage and Irrigation of large areas for the growing of rice. It is intended to make the State much less dependent on imports of essential foodstuffs.

In the Fisheries Department, emphasis is given to the development of marine resources. The arrival of a survey vessel will enable the potential of the State's

THE following is the last part of the budget speech delivered to the 15th session of the Legislative Council meeting by the Hon'ble State Financial Officer Pehin Orang Kaya Khazanah Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee.

fishing grounds to be calculated with the intention of increasing this important food supply and providing the fishermen with a more stable and well-ordered livelihood.

Capital works on schools are going ahead with approximately \$23 million having been spent this year and \$25 million being provided in 1978. Many new Primary schools have been built and it is anticipated that the Sixth Form Centre will be completed next year. The building of the Teachers Training College is also well in hand.

There is an ever-increasing demand for additional roads and for the improvement of those already in use. Honourable Members will see that over \$22 million is being provided next year for the provision of link roads, the upgrading of existing roads and the building of a new trunk road from Muara to Tutong.

SOPHISTICATED

We are now reaping the benefit from the building of the International Airport. It has been designed to handle any aircraft in current production. Improvements are still necessary however including hangarage, the building of a taxiway and the installation of a sophisticated radar system.

The sea-port at Muara is in full operation and handling greater traffic than was ever envisaged. Work is still required however on the approach channel and on the shore protection arrangements. Two godowns

just outside the Port area are substantially completed and these will provide about 9,000 square feet of floor space for private importers.

There is a need for increased electricity supplies. The network is growing and existing consumers demand more power because of the expanding use of air-conditioning and the proliferation of electrical household equipment and gadgetry. New turbines at Gadong were commissioned during the year and these will enable immediate demands to be met and also the extension of supplies to rural areas.

SATELLITE

The telephone service throughout the State was improved during the year by the introduction of Subscriber Trunk Dialling. New exchanges are being built and equipment installed to increase the number of lines available. External telecommunications will also be improved when the Earth Satellite Station at Telisai is completed.

New additional studios for the Television Service are under construction and will provide for the Education Service which is to be introduced. Radio Transmitters of higher power were brought into use during the year and a FM Stereo broadcast was also commissioned.

The earthworks for the new hospital at Kiulap have been completed and the foundation work for the main ward blocks is in progress. The provision of a modern building will enhance this most important

social service.

The projects for the housing of Government officers have progressed well during the year with the building of houses and flats in all districts. Some \$15 million is being provided for a continuation of the schemes next year.

The Bangar Water scheme was completed during the year and the supply was connected in August. Stage II of the Sungai Tutong Scheme is well advanced and will increase the capacity to 16 million gallons per day.

Many new public buildings are being provided including Government Offices, a High Court and State Archives. Work on the National Stadium has commenced and tenders for superstructure for the grandstand will be called early next year. A multi-storey car park has been planned to relieve the present congestion in Bandar Seri Begawan. Dewan Raya in Tutong Town and Bangar are at the design stage.

New mosques and Religious Primary schools are to be built in a number of places and the Mohammed Bolkiah Mosque at Jalan Muara is almost completed. A Religious Affairs Office is to be erected at Banagr.

I hope Sir, that this brief outline will have given Honourable Members an indication of the aims of Government and the way in which these are being implemented for the good of the public. It is said that Finance is the hand-maiden of Economic Development and we are indeed fortunate to be able to provide that finance without recourse to borrowing or the levying of additional taxes on the people. As the custodians of the present wealth we bear a heavy responsibility, not only to those to whom we are answerable today but also to those who come after us. I think that the Government of His Highness The Sultan and Yang Dipertuan can justifiably be proud of the achievements of the last decade and I trust that we will be able to look back on our deliberations and decisions of this day with similar pride and no misgivings.

I should therefore like to move Sir, that the Bill entitled "An Enactment to apply a sum out of the Consolidated Fund for the service of the year 1978 and to apply the said sum for certain purposes may be read a second time."



Women farmers visit station

BIRAU.—A group of twenty-seven women farmers from Kampong Lamunin in the Tutong District last Tuesday visited the nearby Agricultural Station here to familiarise themselves with modern methods of farming.

On hand to receive them at the station was the Manager Awang Talip bin Meramit.

Awang Talip took the visitors around the station

to see among other things the paddy field, coconut grove, banana plantation, the various fruit orchards and vegetable farm.

Awang Talip is seen in this Agriculture Department picture explaining to the ladies ways of looking after a durian tree.

The group was led by the

MENCHARI REZEKI YANG HALAL

ADA pun tangan2 yang bekerja itu atau tegasnya seluroh anggota yang di-gerakkan kerana menchari rezeki yang halal, ada-lah di-beri pahala serta keberkatan oleh Allah s.w.t. Sa-tiap anggota yang di-gerakkan kerana tujuan2 pekerjaan ada-lah bermaana pembangunan: membangun dan menegakan kehidupan, samada kehidupan dalam rumah-tangga yang bersikar pada diri sendiri dan keluarga, mau pun kehidupan masharakat untuk kemakmoran dan kehormatan bangsa dan tanah ayer.

Kita tidak-lah perlu
menchari mithalan
yang jauh2, kita ambil
yang dekat dan mudah
sahaja, ia-itu petani;
dan peladang, mereka
itu dengan membalek2
kan lapisan bumi, kita

dapat mengechap nek-mat buah2an dan biji2-an yang menjadi ma-kan asasi kita. Dengan tenaga buruh kita mendapat kemudahan menggunakan jalan-rayaraya2 dengan sebaik2-nya. Begitu juga de-nan tenaga pekerja2 bangunan, kita da-pat melihat bangunan2 yang indah2 dan mo-den, dan lain2 lagi sa-ngat banyak untok di-buat chontoh. Pendek-nya, di-tangan peng-usaha2 dan pekerja2-lah terletak-nya kema-juan dan kekuatan sa-suatu bangsa dan ne-

Sa-tiap orang berusaha dan bekerja, dari pekerjaan yang sa-ringan2-nya hingga-lah kapada pekerjaan yang seberat2-nya, jika ia di-buat dengan bersunggoh2 serta ikhlas lagi amanah, patutlah di-beri sanjongan dan penghormatan. Sebab titik peloh orang2 yang berusaha dan bekerja itu ada-lah tinggi nilai-nya, tidak kira ia siapa; buroh, peladang atau petani, nelayan, guru atau pegawai kerajaan;

Pada suatu hari Sa-dina Ali bin Abi Talib telah pergi ke sebuah desa di-Madinah untuk menchari pekerjaan ba-gi nafkah diri dan keluarga-nya. Di-desa

tersebut dia telah bertemu dengan saorang perempuan tua dan dari perempuan tersebutlah Saidina Ali mendapat upah mengangkat ayer. Tiap2 sa-buah baldi ayer, upah-nya ia-lah sa-biji buah tamar. Sa-hingga-lah sampai sembilan baldi dengan upah-nya sembilan biji buah tamar pula. Manakala Baginda Rasulullah s.a.w mendapat tahu perihal Saidina Ali membuat pekerjaan yang demikian itu. Baginda pun segera menemui-nya se-rayu menjabat tangan Saidina Ali dengan uchapan selamat dan berkat, dan Baginda sendiri juga turut makan buah tamar tersebut sa-bagai menanda-

kan penghormatan Ba-ginda yang amat tinggi terhadap sesuatu usaha yang baik dan halal, walau bagaimana pun kecil-nya.

Demikian-lah ugama Islam memberikan chontoh yang amat baik lagi indah dalam perkara menjalankan usaha2 dan pekerjaan itu. Kita tidak harus berlengah2 menunggu kerja2 yang senang sahaja, atau memilih — memilih pekerjaan yang ringan dan baik, sebab sifat berlengah2 dan memilih2 itu menghidupkan penganggoran, dan penganggoran itu pula biasanya tidak baik, boleh membawa rosak iktikad dan malapetaka dalam negeri dan masharifik.



Rombongan anggota Badan Nahdhatul Islam Bersatu (BINA), Sarawak yang baru2 ini melakukan lawatan sengkat ka-negeri ini telah juga sempat melawat Jabatan Hal Ehwal Usgama, Brunei. Kelihatan dalam gambar di atas rombongan tersebut sedang mendengar taklimat dalam kunjungan mereka pada 17hb Januari ka-Jabatan berkenaan. (Gambar JHEU).



KELIHATAN dalam gambar,majlis pengIslamam bagi Awang Mohd. Yusof bin Abdullah di-hadapan YDM Pehin OKIL (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bertempat di-rumah Ketua Kampong Bunut, Awang Mohd. Salleh bin Mudim Abdul Latif (Gambar JHEU).

218 Memelok Ugama Islam sepanjang 1977

SA-RAMAI tiga orang lagi saudara baru termasok dua orang perempuan adek ber-adek telah melangsgarkan majlis pengIslamahan mereka di-hadapan Yang Dimuliankan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mu-dim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Matserudin awal bulan ini.

bin Haji Malim di-Kampung Pancha Delima pada 12hb Januari lalu bilamana Mumin bin Labi berumur 21 tahun telah mula dikenali dengan nama barunya Mumin bin Abdullah, Jumlah bte Lian, 22 tahun telah memileh nama Islamnya dengan panggilan Jamilah bte Abdullah dan adek-nya Aloha juga kini

Kampong Kuala Ungar
Tutong.

Terdahulu dari itu pada akhir bulan Disember tahun lalu dua orang saudara baru telah juga memeluk Islam ia itu Semai anak Nunong yang kini di-kenali sa-bagai Awang Mohd. Wasli bin Abdullah dengan melaafazkan ikrar di hadapan Awang Ahmad bin

Hal Ehwal Ugama, Brunei
Manakala Enting anak Sel
pula telah memilih nama
Islam-nya sa-bagai Awang
Mohd. Yusof bin Abdullah
di-hadapan Yang Dimuli
kan Pehin OKIL (Begawan
Mudim) Dato Seri Utama
Haji Ismail.

Dengan itu ada-lah di fahamkan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei sa ramai 218 orang saudara baru telah memelok Ugama Islam di-sepanjang tahun 1977.

Antara-nya 95 orang termasuk tiga orang kanak2 telah memelok Ugama Islam di-Daerah Brunei dan Muara; 45 orang termasuk 13 orang kanak2 memelok Ugama Islam di-Daerah Tutong; di-Daerah Temburong ia-lah sa-ramai 3 orang termasuk 18 orang kanak2 dan di-Daerah Belait ia-lah sa-ramai 4 orang termasuk empat orang kanak2.

**Waktu² sembahyang, imsak
dan matahari terbit**

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 25hb Januari, 1978, hingga kahari Selasa 31hb Januari, 1978 ada-lah saperti dibawah ini: —

| Hari | Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Terbit |
|------|-------|--------|------|--------|------|-------|-------|--------|
| 25hb | Jan | 12.37 | 3.58 | 6.34 | 7.46 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 26hb | Jan | 12.39 | 3.59 | 6.36 | 7.47 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 27hb | Jan | 12.39 | 3.59 | 6.36 | 7.47 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
